



50
Transformasi
Nasional 2050

BAHASA MELAYU MENJELANG TN50

MOHD TARMIZI HASRAH

Bagaimanakah rupa dan kedudukan bahasa Melayu pada masa hadapan? Pertanyaan seperti ini sememangnya tidak lekang daripada kesedaran kita, khususnya pencinta bahasa. Hal ini lebih menonjol apabila melihat keadaan bahasa Melayu kembali, sekurang-kurangnya sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga keadaannya ketika makalah ini ditulis.

Pada hakikatnya, sejarah yang berusia separuh abad itu dicerminkan oleh penggulatan yang terus-menerus buat bahasa Melayu bagi menikmati kedudukan yang lebih wajar di bumi kelahirannya sendiri, iaitu Malaysia. Penggulatan tersebut kadangkala menampakkan sinar yang terang-benderang persis fajar sedang memperlihatkan wajahnya. Namun begitu, tidak kurang juga keadaan yang menenggelamkan bahasa Melayu bersama-sama keladak ke dasar segara dan danau yang gelap-gelita.

Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan wawasan pembangunan negara yang baru sahaja diperkenalkan oleh kerajaan, tetapi masih pada tahap pengumpulan idea menerusi dialog yang berterusan. TN50 bertujukan satu matlamat khusus, iaitu untuk menjadikan negara terkehadapan dalam pembangunan ekonomi, selain mempertingkatkan kemajuan sosial dan kesejahteraan rakyat serta memperkaya inovasi dalam pelbagai lapangan. Sekali pandang, terasa betapa kemas tunjang cita-cita TN50 mencengkam teras bumi Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana matlamat yang digariskan sememangnya menjadi pemangkin masa hadapan negara yang lebih gemilang.

Walaupun bagaimanapun, seperti beberapa wawasan pembangunan negara sebelum ini, termasuklah Dasar Ekonomi Baru, Wawasan 2020 dan Dasar Pembangunan Nasional, pengenalan TN50 akan membuatkan peminat dan pengkaji bahasa kembali dihadapkan pertanyaan

yang asas tentang kelangsungan bahasa Melayu. Bagaimanakah keadaan bahasa Melayu dalam tempoh pelaksanaan TN50? Sebelum kita cuba menjawabnya, ada hal lain yang perlu dibangkitkan terlebih dahulu, iaitu mengapakah masyarakat harus cakna dengan hal yang menyentuh kelangsungan bahasa Melayu?

Barangkali pertanyaan ini dapat kita jawab dengan satu sebab, iaitu kelangsungan bahasa Melayu bererti kelangsungan bangsa Melayu dan negara Malaysia. Dengan sifir yang mudah, tanpa bahasa, maka bangsa pun hanyalah seperti "bayang-bayang" tanpa wujud yang nyata. Oleh sebab itu, penekanan yang khusus kepada bahasa Melayu dalam wawasan pembangunan negara, seperti TN50 secara tidak langsung memastikan kelestarian keperibadian yang khas bagi satu entiti sosiopolitik dan negara.

Bagi memastikan bahasa Melayu memasuki era pembangunan TN50 dengan bergayanya, kita harus menoleh kepada wajah bahasa Melayu dalam era pembangunan negara sebelum ini. Tidak dapat dinafikan bahawa pembentukan Malaysia turut melibatkan perdebatan khusus bagi mentakrifkan keperibadiannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kewujudan sesebuah negara itu berdasarkan penciptaan sempadan geografi dan budaya yang berbeza daripada negara lain.

Satu daripada ciri keperibadian Malaysia ialah bahasanya, iaitu bahasa Melayu. Hubungan yang akrab antara negara dengan ciri khasnya, iaitu bahasa dan budaya, tidak dapat diceraikan. Jika bercerai, hal ini bererti bahawa tiada lagi keperibadian yang khas itu. Oleh sebab itu, kesedaran linguistik selalu bergandingan dengan dasar pembangunan sesebuah negara, walaupun gandingan tersebut kadangkala hanya kelihatan lebih mesra di atas kertas semata-mata.

Jika kita melihat keadaan bahasa Melayu sepanjang pelaksanaan dasar pembangunan negara sebelum ini, didapati bahawa wajah bahasa itu berada dalam dua keadaan, iaitu bercahaya dan kusam. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dari tahun 1970 hingga tahun 1990, umpamanya, memang menampakkan kilauan cahaya yang sedikit terang tentang masa hadapan bahasa Melayu. Sekurang-kurangnya terdapat dua perkara yang membuktikan hal ini, iaitu keperluan untuk mewujudkan perpaduan yang lebih utuh dalam kalangan rakyat Malaysia dan penubuhan universiti yang menjadikan bahasa itu sebagai bahasa pengantar utama.

Umum mengetahui bahawa DEB ialah rancangan pembangunan negara yang dirangka khusus sebagai ekoran peristiwa hitam yang terjadi pada tahun 1969,

iaitu tragedi 13 Mei. Krisis yang terjadi itu perlu segera diatasi dan dibasmi sehingga akarnya. Dengan kata lain, kelonggaran yang wujud dalam kalangan rakyat perlu diperkemas, selain perpaduan kaum turut diperkukuh. Mujiurlah pemimpin negara pada ketika itu pelajar sejarah yang tekun dan memahami sejarah. Sebagai buktinya, pendekatan yang digunakan untuk mengatasi krisis perpaduan bersumber daripada kesedaran sejarah yang luhur.

Satu daripada langkah penyelesaian penting yang diambil ialah menetapkan keperibadian negara. Keperibadian ini diharap dapat menjadi penyatuan makna dalam kalangan suku kaum dan bahasa yang berbeza, selain berupaya menjadi pentakrif kepada negara dan bangsa baharu yang ingin dibentuk. Selain pewujudan ideologi negara, Rukun Negara dan dasar yang berkaitan, seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, bahasa Melayu menjadi alat yang dipakai bagi memperkukuh perpaduan negara menerusi penyatuan makna yang dimaksudkan tadi.


Dalam hal ini, penekanan terhadap bahasa Melayu sebagai alat penyatuan rakyat Malaysia semata-mata disebabkan pengajaran sejarah dan sosiologi. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu sememangnya berperanan sebagai bahasa pemersatu suku kaum yang beragam di Nusantara sejak sekian lama. Sebagai misalnya, sejak kekuasaan Sriwijaya, bahasa Melayu digunakan di seluruh wilayah kekuasaannya. Sejak kemasukan Islam dan mekarnya kesultanan Melayu Melaka, kesultanan Aceh, dan kesultanan Melayu yang lain, sehingga abad ke-19, bahasa Melayu memiliki kuasa penyatu. Keadaan seperti ini berlanjutan sehinggalah bahasa Melayu moden.

Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1970 juga membayangkan masa hadapan yang cerah buat bahasa Melayu. UKM ditubuhkan kerana desakan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Dengan penubuhan UKM, bahasa Melayu diberi peluang seluas-luasnya untuk digunakan sebagai alat pengungkapan pelbagai bidang ilmu.

Hasilnya, memang amat membanggakan. Hal ini dikatakan demikian kerana UKM telah melahirkan ribuan graduan ijazah pertama, sarjana, dan doktor falsafah sejak penubuhannya. Lepasannya siswazah inilah yang kemudiannya menyebarkan profesionalisme bahasa Melayu semasa membina kerjaya profesional masing-masing. Perlu diingat bahawa penanda aras kemajuan negara ialah kewujudan golongan kelas menengah



TRANSFORMASI NEGARAKU



yang kuat. Yang pastinya, lepasan ijazahlah yang membentuk golongan kelas menengah di negara ini.

Setelah melangkah ke dasarwarsa yang baharu, cahaya yang bergemerlapan tiba-tiba dilitupi awan mendung. Kini kita dapat menyaksikan wajah bahasa Melayu yang kian suram. Wawasan 2020, yang diungkapkan dengan hebatnya oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1990 menjanjikan negara yang terkehadapan dari segi ekonomi dan demokratik menurut acuan sendiri, rupa-rupanya banyak pihak yang tersalah pilih acuan, terutama dalam hal memartabatkan bahasa Melayu. Pada tahun 2003, dasar Pengajian dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan. Setelah pemansuhan PPSMI secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2012, kita dikejutkan pula dengan *Dual Language Programe* (DLP). Kedua-duanya memang merupakan dasar songsang yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang tiada berdaya serba-serbinya.

Walaupun taraf bahasa Melayu dijamin oleh undang-undang tertinggi negara, iaitu Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 152 dengan beberapa dasar dan akta tambahan, kebimbangan tentang kelangsungannya untuk terus lestari dengan tenang tanpa sekatan tetap wujud. Jadi, sepanjang tempoh 30 tahun selepas berakhir Wawasan 2020, wajah bahasa Melayu yang bagaimanakah yang ingin kita lihat? Bagi penulis ini dan pastinya bagi banyak penutur bahasa Melayu, sudah tentunya mereka mahu akan bahasa Melayu di tempat yang tertinggi untuk bergerak seiring dengan kemajuan negara, seperti yang dicanang-canang dalam TN50.

Dalam hal ini, terdapat beberapa perkara yang memerlukan tindakan tegas bagi memastikan tempat yang diharapkan agar bahasa Melayu dapat diterjemahkan dengan jayanya. Yang pertamanya, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi ilmu perlu mendapat dukungan tegas daripada pihak yang mempunyai kewibawaan selama tempoh pelaksanaan TN50. Kerajaan, sebagai misalnya, dapat menggubal dasar tertentu bagi menggalakkannya. Hal ini dikatakan demikian kerana tindakan bersifat paksaan daripada tampuk pimpinan lazimnya lebih membuahkan hasil berbanding dengan tindakan dari bawah. Galakan tambahan, seperti penyediaan ganjaran dan pengiktirafan kepada sesiapa yang berusaha untuk menerbitkan ilmu dalam bahasa Melayu, perlu juga disediakan.

Yang kedua, penggalan ilmu dalam kebudayaan sendiri. Pada hakikatnya, setiap budaya memiliki

konsep ilmu yang khas dan berbeza daripada konsep ilmu dalam kebudayaan lain. Perbezaan konsep ini dapat dikesan secara jelas menerusi bahasa yang dipakai bagi mengungkapkan sesuatu ilmu. Maka, peradaban Melayu yang menggunakan bahasa Melayu, memiliki konsep ilmu yang berbeza daripada peradaban Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris, selain berbeza daripada peradaban Jepun yang menggunakan bahasa Jepun. Perbezaan bahasa melahirkan ilmu yang khas dan bitara.

Selain itu, perbezaan bahasa bukan sahaja menyebabkan perbezaan konsep ilmu, malah bahasa yang berbeza turut menjadi senjata bagi mengkritik ilmu moden, dan seterusnya menginovasikan ilmu berkenaan yang setara atau lebih canggih daripada teori yang sedia ada. Penggalan ilmu seperti ini sekali gus mampu meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi. Hal ini turut mampu untuk mewujudkan keyakinan terhadap orang Melayu tentang kekuatan bahasa dan kebudayaannya. Untuk memastikan perkara ini menjadi kenyataan, hasrat yang terkandung dalam TN50 perlu lebih mesra kepada penyelidikan yang mahu menegenakkan ilmu, termasuklah dalam bidang sains, teknologi, sosial, sastera dan kemanusiaan dalam kebudayaan sendiri.

Dalam era TN50 yang akan datang, kita tidak sepatutnya terperangkap dalam penjara pemikiran kolonial yang dirasmikan pada tahun 1824 menerusi Perjanjian Inggeris-Belanda. Perjanjian tersebut telah memecahkan dunia bahasa Melayu kepada bilah geografi yang lebih kecil. Bilah tersebut seterusnya membentuk sempadan politik, dan akhirnya mewujudkan sempadan bahasa, budaya dan sejarah. Kesedaran ini sangat perlu walaupun negara berbahasa Melayu terdiri daripada beberapa buah negara, seperti Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura, selain mencakupi orang Melayu yang tersebar begitu merata di seluruh Asia Tenggara. Hal ini sangat penting kerana kita semua berkongsi akar peradaban yang sama. Kesedaran masyarakat di Malaysia dan Indonesia misalnya, tersangkut pada akar yang sama.

Selain mempunyai kepentingan solidariti, pengiktirafan bahasa turut penting dari segi ekonomi. Perkembangan pesat ekonomi Indonesia sehingga diundang menjadi negara pemerhati dalam persidangan Kumpulan 20 (G20), iaitu kumpulan negara maju di Hamburg, Jerman, baru-baru ini sepatutnya membuka mata kita terhadap potensi

untuk membina jaringan ekonomi dunia berbahasa Melayu yang lebih kukuh. Malaysia perlu mengambil peluang kepesatan perkembangan ekonomi Indonesia dengan mengadakan kerjasama rasmi antara negara. Seajar dengan hasrat TN50, iaitu untuk menjadi negara maju dan terkehadapan dari segi ekonomi, Malaysia dan negara berbahasa Melayu lain sepatutnya bergerak ke arah pembentukan blok ekonomi khusus Asia Tenggara yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

Namun begitu, hambatan hasrat ini tetap ada. Hambatan yang paling hebat ialah sikap dan keyakinan diri terhadap bahasa Melayu sangat rendah. Seperti yang disebutkan oleh Profesor Emeritus Dr. Shaharir Mohamad Zain dalam ucapannya di Universiti Malaya semasa meraikan 40 tahun penubuhan ASASI baru-baru ini, mungkin 90 peratus orang Melayu tidak yakin dengan keupayaan bahasa Melayu untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa rasmi dalam urusan perekonomian dan pentadbiran negara.

Sikap merupakan hambatan yang paling sukar untuk ditangani. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan sikap seseorang terhadap sesuatu perkara berpunca daripada pengalaman sendiri dan peluang tertentu yang tersedia di hadapan matanya. Oleh sebab itu, untuk mengubah sikap, kita perlu

juga menyediakan pengalaman berbahasa Melayu dengan meluas dan peluang tertentu terhadap bahasa ini. Akan tetapi, masalahnya pengalaman sosiolinguistik bagi golongan kelas menengah dan kelas atasan ialah pengalaman berbahasa Inggeris. Maka, pengalaman seperti ini memupuk sikap mereka dan menyatakan bahawa bahasa tersebutlah yang lebih berwibawa dalam segala hal.

Sememangnya kita benar-benar mengharapkan layanan yang berlainan daripada TN50 terhadap bahasa Melayu. Setelah bertahun-tahun bahasa Melayu mengemis di bumi sendiri, maka sudah tiba masanya taraf bahasa Melayu sebagai pengemis itu ditukar kepada taraf bahasa penyumbang. Bahasa Melayu seharusnya menjadi bahasa penyumbang kepada penuturnya, sama ada sebagai bahasa penyumbang ilmu, penyumbang peluang dan kekayaan ekonomi, ataupun penyumbang kepada pengukuhan perpaduan anak bangsa.

Penaikan taraf bahasa Melayu daripada "tangan yang di bawah" kepada "tangan yang di atas" bererti meletakkan bahasa ini di tempat yang wajar lagi adil, sesuai dengan hakikat sejarah, kebudayaan, dan sistem nilai yang tertanam kemam dalam peradaban Nusantara. Sehubungan dengan itu, TN50 perlu dijadikan sebagai titik pemula pada masa hadapan bahasa Melayu yang lebih bercahaya.